



فجابت ثغاره تانه دان كالين جوهر

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN JOHOR
BANGUNAN DATO MOHAMAD SALLEH PERANG,
KOTA ISKANDAR, PETI SURAT 718,
79576 ISKANDAR PUTERI
JOHOR DARUL TA'ZIM

Pejabat Am : 07-2666880/81/82
Pengarah : 07-2666833
Fax Pejabat : 07-2661433/40



Sila nyatakan rujukan surat kami
apabila menjawab surat ini.

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: PTG(D)15/3/25

Tarikh: 31 Julai 2017

Pengerusi
Jawatankuasa Peguam Negeri Johor
No.5, Jalan Tun Abdul Razak
Susur 1/1
80000 Johor Bahru

Tuan/Puan,

PEKELILING PTG JOHOR BIL 02 TAHUN 2017

**PENGENAAN FI BAHARU SUSULAN DARIPADA PINDAAN KANUN TANAH
NEGARA 2016 BAGI :**

- i. CATATAN CARIAN RASMI HAKMILIK DAN MAKLUMAT TIDAK BERKUATKUASA;
- ii. CATATAN CARIAN PERSENDIRIAN HAKMILIK MAKLUMAT TIDAK BERKUATKUASA; DAN
- iii. DENDA LEWAT KUTIPAN DOKUMEN BAGI URUSAN URUSNIAGA DAN BUKAN URUSNIAGA

Adalah dimaklumkan Pekeliling ini bertujuan untuk menyampaikan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada 21.6.2017 setelah menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bil 1197/2017 mengenai perkara di atas.

2. Oleh yang demikian, Pentadbiran ini telah bersetuju mengeluarkan Pekeliling PTG Johor Bil 02 Tahun 2017 - **PENGENAAN FI BAHARU SUSULAN PINDAAN TANAH NEGARA 2016 BAGI :**

- i. CATATAN CARIAN RASMI HAKMILIK DAN MAKLUMAT TIDAK BERKUATKUASA;
- ii. CATATAN CARIAN PERSENDIRIAN HAKMILIK MAKLUMAT TIDAK BERKUATKUASA; DAN
- iii. DENDA LEWAT KUTIPAN DOKUMEN BAGI URUSAN URUSNIAGA DAN BUKAN URUSNIAGA

sebagaimana berlampir untuk digunapakai dalam Pentadbiran Tanah Johor.

ACKNOWLEDGE RECEIPT 1 AUG 2017
a.m. / p.m. 9.08
Hon. Secretary
JOHORE BARU COMMITTEE
BY POST / HAND / COURIER / AIR REGISTERED / FAX

Pendaftaran Hakmilik	: 07-2666865	Fax : 07-2661414	SBKS	: 07-2666840	Fax : 07-2661434
Kemajuan	: 07-2666844		Kurniaan	: 07-2666853	Fax : 07-2661424
Hakmilik Strata	: 07-2666821		Audit Pengurusan	: 07-2666832	
Teknikal	: 07-2666813		Teknologi Maklumat	: 07-2666887	
Perundangan	: 07-2666895		Kuatkuasa	: 07-2347891	Fax : 07-2347892

3. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01 Jun 2017.

Sekian bagi makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(NURUL ASHIKIN BINTI HJ A.JABAR)
Ketua Penolong Pengarah (Pendaftaran Hakmilik)
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Johor

SS/NAAJ/rs/suratbar



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN JOHOR,
BANGUNAN DATO' MOHAMAD SALLEH PERANG
KOTA ISKANDAR, PETI SURAT 718
79576 ISKANDAR PUTRI, JOHOR.

Tel. No. 07-2666 880 / Fax. No. 07-266 1440 / ptj.johordt.gov.my

PTG(D)15/3/25

PEKELILING PTG JOHOR BIL 02 TAHUN 2017

PENGENAAN FI BAHARU SUSULAN DARIPADA PINDAAN KANUN TANAH
NEGARA 2016 BAGI :

- i. CATATAN CARIAN RASMI HAKMILIK DAN MAKLUMAT TIDAK BERKUATKUASA;
- ii. CATATAN CARIAN PERSENDIRIAN HAKMILIK MAKLUMAT TIDAK BERKUATKUASA; DAN
- iii. DENDA LEWAT KUTIPAN DOKUMEN BAGI URUSAN URUSNIAGA DAN BUKAN URUSNIAGA

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menyampaikan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada 21.6.2017 setelah menimbang Ringkasan Mesyuarat Bil 1197/2017 mengenai perkara di atas.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016 melibatkan pindaan kepada 80 Seksyen dalam KTN 1965 dan sebanyak 25 Seksyen adalah terlibat dengan Negeri Johor. Berikutan pindaan ini, terdapat perubahan/penambahan kepada prosedur kerja sedia ada, pengenalan fi baharu, serta perkara-perkara lain yang melibatkan semua fungsi di Pentadbiran Tanah Johor.
- 2.2 Kanun Tanah Negara telah mengalami banyak pindaan setelah dikuatkuasakan bagi menyelaraskan Akta dengan keperluan dan kehendak semasa. Selain daripada itu, pindaan dibuat bagi menambah hasil baharu dalam Pentadbiran Tanah Negeri.

- 2.3 Bagi bahagian Pendaftaran Hakmilik, hanya dua (2) seksyen yang terlibat dengan pindaan Kanun Tanah Negeri untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri iaitu:-

Bil	Seksyen	Latarbelakang Perubahan
3.1.1	<p>Pengenaan Fi Bayaran Catatan Carian.</p> <p>Tiada pindaan pada Seksyen 384 KTN, namun begitu terdapat penambahan kategori carian dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB).</p>	<p>Penambahbaikan pada taraf maklumat yang dicatat dan taraf kegunaan carian akibat daripada beberapa pertikaian kes perundangan yang timbul daripada carian, di mana perbezaan taraf kegunaan carian tidak dinyatakan dengan jelas. Rujukan kes mahkamah:</p> <p>Pendaftar Hakmilik, Pejabat Pendaftaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Anir V. Poh Yang Hong [2016] 9 CLJ 297. Keputusan Mahkamah Rayuan telah menyatakan berkaitan Seksyen 384 dan 385 Kanun Tanah (KTN), bahawa perbezaan yang kelihatan pada kedua seksyen tersebut adalah tidak relevan memandangkan kuasa tindakan adalah terhadap ketepatan butiran dalam hakmilik dan bukannya terhadap ketepatan apa yang tertulis pada Carian Persendirian atau Carian Rasmi.</p>
3.1.2	<p>Denda Lewat Kutipan Dokumen Bagi Urusan Urusniaga dan Bukan Urusniaga.</p> <p>Pindaan kepada Seksyen 305 KTN. Dimana Pendaftar hendaklah memaklumkan kepada penyerah untuk mengutip Dokumen Hamilik Keluaran dan dokumen perserahan di Pentadbiran Tanah Johor selepas pendaftaran. Fi denda lewat kutipan dokumen dikenakan jika dokumen tidak dikutip dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.</p>	<p>Pengenaan denda kutipan dokumen ini dikenakan bagi meningkatkan kesedaran penyerah agar tidak membebankan Pentadbiran Tanah dengan terpaksa menjaga dokumen perserahan urusniaga dan bukan urusniaga.</p> <p>Selain daripada itu, mengurangkan risiko kehilangan dokumen di Pentadbiran Tanah dan penggunaan ruang pejabat diminimakan.</p>

3. PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

3.1 Jenis dan ciri-ciri carian yang baru berkuatkuasa.

Jenis Carian	Carian Rasmi Hakmilik dan Maklumat Berkuatkuasa.	Carian Persendirian Hakmilik dan Maklumat Tidak Berkuatkuasa
Ciri-ciri Carian	<ol style="list-style-type: none"> Mengandungi rekod sejarah hakmilik dan urusan yang belum didaftarkan dan urusan yang digantung pendaftarannya. Carian ini sah untuk kegunaan rasmi di mana tercatat kegunaan rasmi dalam carian tersebut. 	<ol style="list-style-type: none"> Mengandungi rekod sejarah hakmilik dan urusan yang belum didaftarkan dan urusan yang digantung pendaftarannya. Carian ini tidak sah untuk kegunaan rasmi.

3.2 Kadar fi baharu carian:

Jenis Carian	Catatan	Fi (RM)
Sijil Carian Rasmi Hakmilik	<ol style="list-style-type: none"> Mengandungi Endosan/Perserahan yang berkuatkuasa sahaja. Carian ini sah untuk kegunaan rasmi. 	120.00
Carian Persendirian Hakmilik	<ol style="list-style-type: none"> Mengandungi Endosan/Perserahan yang berkuatkuasa sahaja. Carian ini tidak sah untuk kegunaan rasmi. 	40.00
Carian Rasmi Hakmilik dan Maklumat Tidak Berkuatkuasa	<ol style="list-style-type: none"> Mengandungi Endosan/Perserahan yang berkuatkuasa. Mengandungi rekod sejarah hakmilik dan urusan yang belum didaftarkan dan urusan yang digantung pendaftarannya. Carian ini sah untuk kegunaan rasmi. 	150.00
Carian Persendirian Hakmilik Maklumat Tidak Berkuatkuasa	<ol style="list-style-type: none"> Mengandungi Endosan/Perserahan yang berkuatkuasa. Mengandungi rekod sejarah hakmilik dan urusan yang belum didaftarkan dan urusan yang digantung pendaftarannya. Carian ini tidak sah untuk kegunaan rasmi. 	60.00


- 3.3 Denda Lewat Kutipan Dokumen Bagi Urusan Urusniaga dan Bukan Urusniaga
- 3.3.1 Pengenaan Fi Denda Lewat Kutipan dokumen hakmilik keluaran dan dokumen urusniaga dan bukan urusniaga yang dinyatakan dalam resit bayaran perserahan.
 - 3.3.2 Bagi maksud pengutipan dokumen tersebut, penyerah perlu hadir sendiri atau mengemukakan perserahan dengan dikemukakan bersekali dengan sampul surat berdaftar beralamat sendiri (saiz A4).
 - 3.3.3 Pendaftar dibenarkan menyampaikan notis dokumen hakmilik keluaran dan dokumen urusniaga dan bukan urusniaga sedia untuk dikutip melalui email atau faksimili atau pos berdaftar.
 - 3.3.4 Setiap hakmilik dan suratcara yang tidak dipungut dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh notis dikeluarkan akan dikenakan denda lewat kutip dokumen sebanyak RM 50.00.

4. TARIKH KUATKUASA

- Tarikh kuatkuasa pengenaan fi baharu susulan daripada pindaan Kanun Tanah Negara 2016 adalah pada **1 Jun 2017**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(HAJI MOHD HALIM BIN HASBULLAH)
Pengarah Tanah dan Galian
Johor.